

BAB 6 : KESAN PEMBAHARUAN QINGLI

Sesungguhnya pembaharuan Qingli telah membawa kesan yang mendalam terhadap perkembangan politik dinasti Song Utara . Secara langsung , didapati bahawa pada masa itu , perselisihan di antara “ pakatan ” atau *pengdang* adalah hebat sekali , manakala kuasa berbincang dan mengemukakan pendapat secara terbuka telah mencapai satu tahap yang amat tinggi dan juga didapati bahawa pelaksanaan pembaharuan Wang Anshi telah banyak menyerap dasar-dasar yang dikemukakan oleh Fan Zhongyan . Perkembangan-perkembangan tersebut akan dijelaskan secara lebih lanjut di bawah .

6.1 Perselisihan di antara “ Pakatan ” atau *Pengdang*

Sebenarnya ahli politik dinasti Song Utara telah menggunakan perkataan “ pakatan ” untuk membuat fitnah terhadap musuh mereka . Ahli-ahli politik pada masa itu telah membangkitkan perkara yang sensitif dengan tujuan menjatuhkan musuh politik mereka.

Sebagaimana yang diketahui , Fan Zhongyan merupakan seorang ahli politik yang tegas dan berani mengemukakan pandangan sendiri . Pada tahun 1036 , Perdana Menteri pada masa itu iaitu Lu Yijian 吕夷简 (978—1043) telah mengkritik Fan Zhongyan kerana “melampaui batasan dalam mengemukakan

kritikan , memperakukan ahli-ahli ‘ pakatan ’ dan menghasut antara maharaja, dengan menteri ” (越职言事, 荐引朋党, 离间君臣). Akibat dari itu , Fan telah dijatuhkan pangkat . Sahabat Fan seperti Yu Jing 余靖, Yin Zhu 尹洙 dan Ouyang Xiu pula turut dijatuhkan pangkat akibat dari melindungi Fan . Kawan-kawan Fan telah dianggap sebagai ahli-ahli “pakatan ” Fan dan pada masa itulah ahli-ahli politik pada zaman Song turut cenderung mengkritik musuh-musuh mereka sebagai *pengdung* . Gejala *pengdung* telah berleluasa tanpa berhenti-henti sehingga maharaja Ren Zong sendiri telah membincangkan persoalan ini dengan menteri-menteri kanan di istana . Menurut “Sushui jiwèn ” 涑水纪闻 , “ Pada bulan ke-4 tahun ke-4 Qingli (iaitu pada tahun 1044) , Maharaja telah membincangkan isu *pengdung* dengan menteri-menteri kanan di istana . Pada masa itu Timbalan Perdana Menteri Fan Zhongyan pula telah mengemukakan pandangan beliau , iaitu , “Segala benda-benda dan manusia di dunia ini sebenarnya mempunyai pakatnya sendiri . Malah sejak awal-awal lagi , perkara ini sukar dilarang dan diberhentikan . Jika Tuanku berkawan dengan ahli-ahli pakatan yang berbudi , mengapa ianya boleh membawa mudarat terhadap negara ? ” (方以类聚, 物以群分, 自古以来, 邪正在朝, 未尝不各为一党, 不可禁也, 在圣鉴辨之耳, 诚使君子相朋为善, 其于国家何害?)¹

¹ Sima Guang 司马光, “Sushui jiwèn ” 涑水纪闻 , Wuyingdian Juzhenben Congshu 武英殿聚珍本丛书 , Vol.10 , ms 5.

Manakala Ouyang Xiu pula membantah kritikan-kritikan daripada musuh-musuh dengan mengemukakan satu petisyen terkenal yang bertajuk “Pengdang lun” 朋党论 (Perbincangan Tentang Pakatan) :

Sebenarnya “pakatan” telah wujud sejak dari dulu sehingga sekarang. Namun kita seharusnya membezakan manakah ‘pakatan’ yang berbudi dan manakah ‘pakatan’ yang tidak berbudi. Orang yang berbudi akan berpakat di antara satu sama lain berdasarkan prinsip yang dipegang oleh mereka, manakala orang yang tidak berbudi pula akan berpakat sesama sendiri berdasarkan kepentingan diri. Ini adalah satu hakikat yang harus diterima umum. (臣闻朋党之说，自古有之，惟幸人君辨其君子小人而已。大凡君子与君子，以同道为朋；小人与小人，以同利为朋，此自然之理也。) ²

Boleh dikatakan bahawa gejala “pakatan” telah tersebar luas di antara pegawai-pegawai pada dinasti Song Utara. Fan Zhongyan dan rakan-rakan seperjuangan beliau telah dikritik secara hebat oleh musuh politik mereka dengan tujuan menjatuhkan Fan dan rakan-rakan seperjuangan beliau. Pada tahun 1045, Ouyang Xiu sekali lagi mengemukakan satu petisyen menceritakan tentang “pakatan”. Beliau berkata, “Orang-orang yang tidak berprinsip suka membuat fitnah terhadap orang-orang yang berbudi sejak dari dulu lagi. Mereka menuduh orang-orang yang berbudi sebagai ‘pakatan’ demi menggoncangkan kedudukan politik mereka. ----- keempat-empat orang ini (iaitu Du Yan 杜衍 978—1057, Fan

² Ouyang Xiu, “Pengdang lun” 朋党论 (Perbincangan Tentang Pakatan), *Jushi Ji* 居士集, *Ouyang wenzhong gong ji* 欧阳文忠公集, Vol. 17, m.s 6.

Zhongyan , Han Qi dan Fu Bi) sebenarnya merupakan orang-orang yang mencintai bangsa dan negara di mana apabila membincangkan tentang hal-hal negara , mereka akan memikirkan kepentingan negara . Maka mereka ini memang pegawai-pegawai yang setia kepada negara . Manakala gelaran ‘pakatan ’ yang diberikan oleh musuh-musuh politik sesungguhnya merupakan satu fitnah ” .³

Gelaran “pakatan” adalah alat yang digunakan oleh ahli-ahli politik demi menggagalkan dasar pembaharuan Qingli . Apabila gelaran “pakatan” disebar luas , seluruh suasana politik menjadi tidak aman dan setiap menteri ghairah mengkritik musuh mereka sebagai “pakatan” . Manakala mereka yang dikritik pula asyik membela diri dengan menghantar petisyen kepada maharaja . Pada masa itu , perdebatan dan perbahasan tentang isu tersebut sering berlaku di antara menteri-menteri kanan dalam kerajaan .

Selain daripada Ouyang Xiu , Han Qi pula pernah menghantar petisyen untuk membela Fu Bi daripada dikutuk dan difitnah oleh Xia Song . Beliau menyifatkan Fu Bi sebagai seorang yang bertanggungjawab tetapi “sebelum berjumpa dengan maharaja , beliau telah dituduh sebagai orang yang tidak bertanggungjawab dan difitnah oleh musuh politik , saya berasa pilu sekali kerana seorang yang menyumbang besar kepada negara telah mendapat hinaan yang sedemikian” (事毕还朝，甫及都门，未得一陈于陛下之前，而责补闲郡，外人

³ Ouyang Xiu , “Lun Du Yan Fan Zhongyan deng ba zhengshi zhuang” 论杜衍范仲淹等罢政事状 , zouyi 奏议 , *Ouyang Wenzhong gong ji* 欧阳文忠公集 , Vol. 11 , m.s. 7—8 .

不知得罪之因，臣亦痛粥有何负于朝廷，而黜辱至此。)⁴

Isu *pengdang* berleluasa sehingga maharaja Ren Zong hilang keyakinan terhadap golongan reformis . Malah masalah *pengdang* telah mengakibatkan menteri-menteri asyik mengutuk demi mengutuk musuh mereka tanpa sebab . Perbincangan tidak wujud tetapi kritikan demi kritikan dilemparkan kepada orang yang mereka tidak puashati . Secara langsung telah wujud satu suasana yang buruk di kalangan pegawai-pegawai kerajaan di mana mereka tidak menumpukan perhatian terhadap pembangunan negara tetapi asyik memperkembangkan pula budaya mengkritik dan menfitnah .

Permusuhan dan fitnah telah sampai ke satu tahap yang serius . Lu Yijian mengkritik Fan Zhongyan dengan mengatakan , “ orang yang pandai bercakap tidak semestinya mampu menyumbangkan jasa kepada negara ” (士大夫有口才者，未必能成事也)⁵ . Manakala apabila Ouyang Xiu menjawat jawatan pengkritik , beliau pula mengkritik Lu Yijian yang pada masa itu menjadi Perdana Menteri , “(Lu Yijian) mengakibatkan penyerangan puak-puak asing dan rakyat menderita ia telah menimbulkan masalah terhadap tanahair dalam tempoh 14 tahun ini . Bila masyarakat kita berada dalam keadaan aman dan makmur , Lu turut menikmati kemewahan ini ; manakala apabila negara beradadalam keadaan huru-hara , Lu pula menjadikannya sebagai masalah maharaja sendiri.....”⁶

⁴ Han Qi 韩琦, *Shang Ren Zong qibie bai pengdang* 上仁宗乞别白朋党 , ms.2661—2662 .

⁵ Li Tao , *Xu zizhi tongjian changbian* 续资治通鉴长编, Vol. 135 , m.s. 3 .

⁶ “Lun Lu Yijian zhazi” 论吕夷简札子, *Ouyang wenzhong gong ji* 欧阳文忠公集 , Vol. 12 ,

Boleh dikatakan bahawa implikasi yang dibawa oleh isu *pengdang* amatlah mendalam ; ianya telah menimbulkan syak wasangka di kalangan pegawai-pegawai kerajaan . Menurut “*Xu zizhi tongjian changbian*” 续资治通鉴长编, *pengdang* telah mengakibatkan “menteri-menteri kerajaan hanya mementingkan diri sahaja , mereka tidak sudi menyumbangkan jasa terhadap negara . Justeru itu , hal-hal awam dan ketenteraan negara telah diabaikan” (执政大臣，心知某事可行，某法可罢，但拱默自安，不肯为朝廷当事，致文武大政，因循弛废)⁷

Kesan yang timbul dari isu *pengdang* berlanjutan untuk satu masa yang lama . Malah masalah *pengdang* telah mempengaruhi budaya politik China pada masa seterusnya . Sehingga tahun 1052 , budaya politik sejarah dinasti Song masih dipengaruhi oleh budaya kritik-mengkritik dan fitnah- menfitnah . Bao Zheng 包拯 (999—1062) telah mengkritik *pengdang* dengan mengatakan , “didapati bahawa ramai di antaranya ghairah mengkritik pihak yang lain sebagai *pengdang* . Terutamanya bagi mereka yang setia dan memberi sumbangan yang besar kepada negara , gelaran *pengdang* telah ditujukan kepada mereka dengan tujuan mengasingkan dan menjauhi mereka . Justeru itu , penerimaan seorang pegawai yang berkebolehan di jabatan kerajaan dikritik sebagai dibantu oleh ahli *pengdang*nya ; manakala pemecatan seorang pegawai yang tidak cekap pula disifatkan sebagai cemburu oleh pihaknya . Maka secara tidak langsung , ianya telah mengakibatkan orang yang ikhlas tidak berani mengemukakan pandangan dan membetulkan segala

⁷ *Xu zizhi tongjian changbian* , Vol. 163 , m.s. 16—17 .

kesalahan atau masalah yang timbul . Inilah satu tragedi yang serius bagi sesebuah negara .”⁸

Di sini , didapati bahawa masalah *pengdung* telah menakutkan pegawai-pegawai yang ikhlas dan ianya merupakan gejala yang buruk terhadap politik dinasti Song pada keseluruhannya . Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesannya secara tidak langsung mengakibatkan kemusnahan dinasti Song di mana budaya musuh-memusuh telah memberi peluang kepada orang-orang tidak berprinsip seperti Lu Huiqing 吕惠卿 (1032—1111) dan Cai Jing 蔡京 (1047—1126) menguasai kerajaan tanpa memberi sumbangan kepada dinasti Song , bahkan mewujudkan budaya perpecahan pada kemudiannya . Menurut Fang Hao,

Oleh sebab pegawai-pegawai kerajaan suka membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan dan negara , maka perbezaan pandangan dan perselisihan akan wujud pada akhirnya . Pada mulanya , perbalahan di antara *pengdung* sebenarnya bertujuan membincangkan hal-hal berkaitan dengan negara , tetapi pada akhirnya ianya telah bertukar menjadi saling menyerang di antara satu sama lain .⁹

Walaupun golongan reformis mengatakan mereka tidak mempunyai “pakatan” , namun maharaja Ren Zong telah hilang kepercayaan terhadap mereka .

⁸ Bao Zhen 包拯 , “Qishi” 七事 , *Bao Gong zouyi* 包公奏议 , Vol. 1 , Yueyatang Congshu 粤雅堂丛书 , m.s. 9 .

⁹ Fang Hao , *Songshi* , m.s. 118 .

Golongan reformis telah gagal pada keseluruhannya , sehingga “kawan-kawan tidak berani berjumpa di antara satu sama lain”¹⁰

Ramai sarjana telah membincangkan masalah *pengdang* . Pada keseluruhannya , terdapat empat kategori pandangan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana mengenai *pengdang* . Pertama , sarjana-sarjana bersetujui dengan pendapat Fan Zhongyan dan Ouyang Xiu , iaitu mengakui bahawa terdapat tentangan di antara orang-orang yang berbudi dan oarang-orang yang tidak berprinsip . Namun maharaja haruslah membezakan pihak mana yang baik dan pihak mana yang tidak baik . Anak Fan Zhongyan iaitu Fan Chunren 范纯仁 (1027—1101) juga berpendapat sedemikian . Sima Guang 司马光 (1019—1086) juga menulis “ Pengdang lun ” dengan mengatakan bahawa , “ Memandangkan pada kesan buruk yang timbul dari masalah *pengdang* ... adalah jelas bahawa kemakmuran dan kemusnahan sesebuah negara bukan disebabkan oleh *pengdang* tetapi diakibatkan oleh kegagalan pemimpin membezakan puak-puak yang baik dan yang tidak baik .” (夫朋党之患...兴亡不在朋党, 而在昏明矣。). Pada akhir dinasti Song Utara , Yu Yingqiu 余应求 pula mengatakan bahawa , “ Pemimpin harus membezakan *pengdang* yang baik dan yang tidak dari awal-awal lagi ” (论朋党宜辨之于早). Dalam kategori yang kedua , sarjana-sarjana berpendapat bahawa *pengdang* harus dihapuskan . Hu Zongyu 胡宗愈 berpendapat bahawa pemimpin haruslah memilih pegawai-pegawai yang tidak berat sebelah untuk berkhidmat dengan negara , maka *pengdang* akan lenyap secara tidak langsung . (择

¹⁰ Yin Zhu 尹洙 , *Henan Wenji* 河南文集 , Vol. 10 , m.s. 4.

中立不倚者用之，则朋党自销) Dalam kategori yang ketiga pula , sarjana-sarjana berpendapat bahawa pemimpin-pemimpin harus melantik pegawai-pegawai yang ikhlas ,tetapi pada masa yang sama ,mereka berpendapat secara pesimistik bahawa orang-orang yang berbudi akan menemui kegagalan manakala orang yang tidak berprinsip akan menang pada akhirnya .(希望君主能用正人，但悲观的承认君子必败，小人必胜) . Dalam kategori yang keempat pula , sarjana-sarjana mengakui pandangan yang dikemukakan oleh Ouyang Xiu dalam esainya “Pengdang Lun” di mana ditegaskan bahawa pakatan orang-orang tidak berprinsip hanya akan wujud untuk satu masa yang singkat sahaja . Mereka memperbetulkan pandangan yang pesimistik yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana yang sebelumnya . Mereka mencadangkan bahawa adalah sesuai bagi orang-orang yang berbudi mempraktikkan cara falsafah *Dao* dan jangan terlampau menekan orang-orang yang tidak berprinsip ,tetapi cuma bersabar dan memperkukuhkan kuasa mereka dengan cara yang lebih sederhana serta menunggu orang-orang yang tidak berprinsip berpecah-belah secara otomatiknya . Selepas itu barulah orang-orang yang berbudi mengambil tindakan yang sewajarnya .(君子应参取道家态度，杂用权术，不可逼迫小人太甚；以外圆内方的态度培养势力，静待小人自行分裂，再见机行事) .¹¹

Boleh dikatakan bahawa keempat-empat pandangan di atas adalah berasaskan pendapat Ouyang Xiu atau dipengaruhi oleh beliau ,di sini dapat dilihat bahawa kesan yang dibawa oleh beliau amatlah besar sekali . Walau bagaimanapun ,

¹¹ Liu Zijian 刘子健 , *Ouyang Xiu yu beisong zhongqi guanliao zhengzhi de jiufen* 欧阳修与北宋中期官僚政治的纠纷 , Hong Kong : Xinya Yanjiusuo 新亚研究所 , 1963 , m.s. 196—197 .

masalah *pengdang* sebenarnya adalah satu masalah serius di bawah sistem monarki dan sistem pemusatan kuasa maharaja. Masalah serius ini diteruskan sehingga masa yang kemudiannya juga tidak dapat diselesaikan.¹²

Sesungguhnya kesan yang dibawa oleh *pengdang* amatlah besar. *Pengdang* telah memusnahkan politik dinasti Song Utara pada keseluruhannya. Masalah *pengdang* berlanjutan untuk satu masa yang lama. Pada tahun 1065, maharaja Ying Zong 英宗 (memerintah 1065—1067) menaiki takhta dan berlakulah perselisihan antara pegawai-pegawai di istana. Ini adalah satu persaingan kuasa secara tersembunyi oleh *pengdang*. Apabila Shen Zong 神宗 (1048—1085) menaiki takhta, Wang Anshi pula dikritik hebat oleh pihak pembangkang. Sejak dari itu, puak-puak yang bermusuhan itu telah diasingkan secara jelas dan dikategorikan sebagai pakatan yang baru (*xindang* 新党) dan pakatan yang lama (*jiudang* 旧党). Ianya berterusan sehingga kejatuhan dinasti Song Utara. Malah ianya tidak lenyap sehingga zaman dinasti Song Selatan.

Liu Zijian 刘子健 telah membuat analisa tentang politik dinasti Song Utara di mana beliau mengatakan bahawa corak utama politik dinasti Song Utara sebenarnya merupakan satu pertarungan di antara pegawai-pegawai yang idealistik dan mereka yang asyik mengambil kesempatan (机会主义). Pegawai-pegawai yang oportunis itu selalunya menguasai teraju pimpinan dan mereka bertujuan

¹² Ibid., m.s. 198.

menjatuhkan kempen pembaharuan .Pada akhirnya pegawai-pegawai yang idealistik akan kalah kepada mereka yang pandai mengambil kesempatan .¹³

6.2 Peningkatan Hak Bersuara

Walaupun dasar pembaharuan Qingli mengambil masa yang singkat , namun kesan-kesan yang dibawa olehnya adalah mendalam . Selain daripada masalah *pengdang* yang disebutkan di atas , hak bersuara daripada pegawai-pegawai kerajaan mencapai satu tahap yang amat tinggi sekali .

Pegawai-pegawai pengawas (*jianchaguan* 监察官) dan pegawai-pegawai pengkritik dikenali sebagai pegawai-pegawai yang mengemukakan pendapat (*yanguan* 言官). Tugas utama *jianchaguan* ialah mengkritik pegawai-pegawai yang melakukan kesalahan dan tugas utama *jianguan* pula adalah memberi nasihat kepada maharaja . Sebenarnya pegawai pengkritik atau *jianguan* adalah dibawah kekuasaan perdana menteri pada dinasti Tang . Pada dinasti Song pula , Canseleri Imperial (*Menxiasheng* 门下省) tidak lagi menguasai *jianguan* dan *jianguan* dapat berdikari serta berkuasa . Dalam pada itu , *jianguan* dilantik oleh maharaja sendiri dan tidak lagi diperakukan oleh perdana menteri , maka secara tidak langsung *jianguan* tidak lagi memberi nasihat dan kritikan kepada maharaja tetapi bertukar mengkritik perdana menteri pula . Akibatnya mereka menjadi

¹³ Penerangan dapat dilihat dalam buku Liu Zijian yang bertajuk *Songchu de gaigejia : Fan Zhongyan* 宋初的改革家: 范仲淹 , m.s.105—107 .

semakin kritis terhadap pihak perdana menteri dan menteri-menteri yang lain . Pada masa yang sama hak bersuara bagi pegawai-pegawai juga digalakkan oleh maharaja Ren Zong , maharaja sendiri berpendapat bahawa “ Hal-hal yang berkaitan dengan negara adalah lebih baik dibincangkan bersama oleh pegawai-pegawai secara umum ” (天下事不如付诸公议) . Di sinilah hak bersuara *jianguan* dinaikkan lagi menjadi lebih tinggi .¹⁴

Dalam tempoh pembaharuan Qingli , hak bersuara secara lebih bebas telah dijadikan sebagai satu alat untuk menyerang pihak yang lain dalam perebutan politik di antara penyokong-penyokong Fan Zhongyan dan pihak pembangkangnya .

Sepatutnya hak bersuara yang tinggi akan memberi manfaat kepada politik dinasti Song . Selain dari dapat membetulkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sesetengah pihak , hak bersuara yang tinggi juga dapat memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan mengemukakan pandangan tersendiri . Akan tetapi , hak bersuara yang semakin meningkat telah membawa kesan yang negatif sebenarnya .

Pada tahun 1040 , maharaja Ren Zong mencadangkan supaya menteri-menteri di bawahnya “ bersuara secara lebih terus terang dan menghapuskan larangan bercakap secara bebas ” (诏求直言 , 尽除越职之禁) .¹⁵ Sejak dari itu ,

¹⁴ Yang Shi 杨时 , *Guishan xiansheng yulu* 龟山先生语录 , Vol. 3 , Sibu Congkan Ben ed.四部丛刊本 , m.s.5—6.

¹⁵ *Xu zizhi tongjian changbian* 续资治通鉴长编 , Vol. 126 , m.s.12 .

hak bersuara di kalangan menteri-menteri menjadi lebih tinggi. Pada mulanya, menteri-menteri hanya mengemukakan pandangan berkaitan dengan hal-hal negara, namun ianya telah bertukar menjadi satu alat untuk menyerang pihak yang lain. Malah hak bersuara menjadi lebih tinggi daripada kuasa memerintah yang dipegang oleh pihak menteri di mana pegawai-pegawai kerajaan asyik bercakap sahaja tanpa memberi sumbangan yang praktikal kepada rakyat dan negara. Seandainya pegawai-pegawai dapat dinaikkan pangkat hanya disebabkan oleh pandai bercakap kosong, maka orang-orang jahat akan ikut apa yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di atas. Implikasi yang di bawa olehnya amat merisaukan. Menurut Ouyang Xiu:

Sekiranya *yanguan* dapat dinaikkan pangkat, maka orang-orang yang tidak berprinsip akan ikut sahaja dengan hanya bercakap kosong di mana akibatnya amat membimbangkan. Ianya amat sukar dilarang sehingga susah untuk membezakan di antara orang-orang baik dengan orang-orang jahat. Justeru itu, orang-orang yang pandai bercakap tidak patut mendapat layanan yang istimewa¹⁶

Hak bersuara yang terlalu tinggi sebenarnya membawa kesan yang buruk kepada dinasti Song. Hak bersuara yang begitu tinggi telah mempengaruhi perjalanan pemerintahan dinasti Song. Ini dapat dilihat bahawa percanggahan pendapat di antara *yanguan* dan menteri-menteri yang memerintah telah mengakibatkan mereka saling mengkritik dan menyerang pihak lain. Di samping

¹⁶ "Cizhichu zhizhi Gao Zhuang" 辞直除知制造状, *Ouyang Wenzhong gong ji* 欧阳文忠公集, Vol. 1, m.s. 3.

itu pula , mereka akan cuba dengan sedaya-upaya mendapatkan kepercayaan dan keyakinan daripada maharaja dengan tujuan memperolehi layanan yang istimewa . Ini secara tidak langsung menjadikan kuasa maharaja berkembang dengan begitu pesat dan menumpu .

Kemutlakan kuasa maharaja juga merupakan satu penguatkuasaan maharaja dari segi undang-undang . Dari sudut yang lain , maharaja mempunyai kuasa mengawal secara langsung segala hal yang berkaitan dengan negara . Ini telah memberi peluang kepada sesetengah pihak terutamanya orang-orang yang tidak berprinsip mengambil kesempatan mengambil hati maharaja dengan mengeluarkan kata-kata yang suka didengari oleh maharaja tanpa manghiraukan kesannya . Jika dipandang secara serius , ini telah membina satu budaya politik yang amat buruk terhadap dinasti Song .

Dari segi yang lain , hak bersuara yang terlalu tinggi telah dijadikan satu alat perebutan kuasa politik pada dinasti Song . Sesungguhnya penggunaan hak bersuara yang betul dapat memperseimbangkan kuasa politik dalam jentera kerajaan , namun jika ianya dipersalahgunakan , maka seluruh jentera politik akan rosak dan akhirnya musnah pada keseluruhannya . Contoh yang ketara ialah Fan Zhongyan telah memegang jawatan kerajaan oleh kerana pengesyoran pihak *jiangguan* , manakala perlucutan jawatan Xia Song pula juga disebabkan oleh kritikan daripada *jianguan* . Dalam kes Ouyang Xiu pula , pada mula-mulanya beliau dapat mengkritik pihak pembangkang dan berjaya memaksa musuhnya menunduk . Tetapi

pada akhirnya pihak pembangkang mengambil kesempatan menyerang Ouyang Xiu pula . Ouyang Xiu telah diturunkan pangkat dan dipindahkan ke Chuzhou 滁州 pada tahun 1045 , kemudian beliau telah dipanggil balik ke istana pada tahun 1054 . Musuh-musuh beliau sekali lagi membuat fitnah terhadap beliau . Perselisihan demi perselisihan berlaku sehingga Ouyang Xiu sendiri mengatakan bahawa , “(aku) terjerumus ke dalam lembah perselisihan selama 10 tahun dan peluang untuk hidup adalah nipis sahaja ” (十年困风波, 九死出槛阱).¹⁷ Di sini jelas dilihat bahawa golongan reformis dan golongan pembangkang turut menggunakan hak bersuara ini untuk menyingkirkan pihak musuh .

Selain dari itu , hak bersuara yang terlalu tinggi juga memaparkan satu hakikat iaitu budaya tidak bertanggungjawab telah perlahan-lahan menyerap ke dalam tingkah-laku pegawai-pegawai kerajaan dinasti Song . Menurut Wang Fuzhi 王夫之(1619—1692):

Isi kandungan petisyen yang dihantar kepada maharaja ada yang bersifat terus terang , ada yang berakal buruk , ada yang bersifat tipu-dayaSelain dari itu , ada juga yang bersifat jahat Maharaja yang bijak dan saksama juga amat susah membezakannya .
(上书纠察之言, 有直, 有佞, 有奸。... .. 乃三者之外, 有妖言焉。... .. 苟有明君, 亦岂必其难辨哉!)¹⁸

¹⁷ “Shuhuai” 述怀, *Ouyang Wenzhong gong ji*, Vol.2 , m.s.19.

¹⁸ Wang Fuzhi 王夫之, “Ren Zong” 仁宗, *Songlun 宋论* , Beijing : Zhonghua Shuju , Vol. 4 , m.s.12—13 .

Hak bersuara *yanguan* menjadi lebih bebas dalam tempoh pembaharuan Qingli . Selepas masa pembaharuan Qingli , ianya telah sampai ke satu tahap yang sukar dikawal . Demi menjatuhkan pihak pembangkang , mereka yang terlibat menfitnah pihak yang lain dengan tuduhan berkomplot , menerima rasuah , berkelakuan secara tidak senonoh dan sebagainya . Memandangkan menteri-menteri berkuasa takut dan bimbang terjerumus dalam perangkap yang sedemikian , maka mereka menjalankan tugas masing-masing dengan sikap acu tak acu di mana mereka tidak berhasrat menyumbangkan usaha dan kebolehan mereka kepada negara . Sikap tidak bertanggungjawab pegawai-pegawai sedemikian sukar dikawal dan ianya telah merosakkan jentera pentadbiran dinasti Song .

Dalam tempoh Pembaharuan Qingli , Han Qi yang bertugas sebagai seorang *jianguan* pernah berkata , “Seseorang yang pandai memberi nasihat tidak boleh memberi nasihat dengan cara ejekan dan menonjol . Orang yang memberi nasihat haruslah berpandukan kepada alasan yang konkrit.” (夫善谏者，无讽也，无显也，主于理胜而已矣).¹⁹ Di sini dapat dilihat bahawa Han Qi adalah seorang reformis yang bertanggungjawab dan paling berjaya dalam arena politik dinasti Song .²⁰

Jika ditinjau secara teliti , didapati bahawa hak bersuara yang tinggi memang mewujudkan satu suasana yang bebas pada masa pendek , namun pada masa panjang pula ianya telah melahirkan rasa risau dan bimbang di kalangan

¹⁹ “Jian yuan cunghau xu ” 谏垣存稿序 , *Hanweigong ji* 韩魏公集 , Vol. 1 , m.s.13—14 .

²⁰ Chen Rongzhao , *Fan Zhongyan yanjiu* , m.s. 177 .

pegawai-pegawai kerajaan terhadap kedudukan mereka sendiri . Kebebasan bercakap yang diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan merupakan satu tragedi dalam sejarah dinasti Song di mana ianya telah menjadi satu rintangan yang merbahaya dalam pembangunan dan kemajuan dinasti Song . Ramai daripada sarjana menyalahkan pihak reformis Qingli sebagai punca utama berlakunya keadaan ini . Misalnya seorang sarjana dinasti Qing Wang Fuzhi pernah berkata , “ Sistem lama telah berubah bermula daripada masa Fan Zhongyan , pada masa itu muncullah orang-orang yang suka berlagak dan mereka asyik menimbang kesalahan pihak laindinasti Song dipecah-belahkan dan dijatuhkan dengan serta-merta .” ²¹

6.3 Ilham kepada Pembaharuan Wang Anshi

Walaupun pelaksanaan pembaharuan Qingli hanya mengambil masa yang begitu singkat , namun dasar-dasar dan semangat yang terkandung dalam pembaharuan Qingli turut mempengaruhi pemimpin-pemimpin yang seterusnya . Satu contoh yang ketara ialah Wang Anshi , seorang reformis terkenal yang turut mewarisi dan memperkembangkan dasar pembaharuan Qingli dengan mengemukakan pembaharuan yang hebat dan terkemuka pada dinasti Song . Reformasi yang terkemuka ini dikenali sebagai “ Pembaharuan Wang Anshi ” atau *Wang Anshi Bianfa* (王安石变法) .

²¹ Wang Fuzhi , op.cit . , *Songlun* , Vol. 4 , m.s.21—24 .

Kemunculan pembaharuan Wang Anshi pada zaman pemerintahan Shen Zong merupakan satu pergerakan yang terkemuka bukan sahaja pada masa dinasti Song tetapi juga dalam keseluruhan sejarah China. Walaupun pembaharuan Qingli dan pembaharuan Wang Anshi bukan dilaksanakan pada masa yang sama, namun kedua-duanya tetap mempunyai hubungan dan pertaliannya. Pada hakikatnya, pembaharuan dalam sistem birokrasi, sistem perlantikan melalui *keju*, bidang pendidikan dan sistem ketenteraan yang diperkenalkan oleh Wang Anshi sesungguhnya merupakan satu reformasi dan perkembangan daripada contoh pembaharuan Fan Zhongyan dahulu. Kedua-duanya memang mempunyai kaitan tetapi Wang Anshi telah memperbaiki masalah-masalah yang timbul dari perjalanan pembaharuan Qingli.

Selepas 24 tahun kegagalan pembaharuan Qingli, kemunculan pembaharuan Wang Anshi pada tahun 1069 boleh dikatakan merupakan satu kempen yang bersifat besar-besaran dan kesannya lebih mendalam ke atas dinasti Song Utara. Sebenarnya Wang Anshi telah mempelajari dari teladan pembaharuan Qingli dalam menjalankan pembaharuan beliau sendiri.

Kedua-dua reformis ini sangat mementingkan sistem kenaikan pangkat pegawai-pegawai, seperti sistem *mokan*. Sesungguhnya sistem *mokan* merupakan satu sistem kenaikan pangkat yang berdasarkan kebolehan seseorang pegawai pada awalnya. Pegawai-pegawai yang mempunyai sumbangan terhadap masyarakat akan dinaikkan pangkatnya manakala pegawai-pegawai yang tidak

berkebolehan pula tidak diberi peluang untuk kenaikan pangkat. Namun sistem ini telah menyeleweng di mana menurut Fan Zhongyan, sistem *mokan* menjamin kenaikan pangkat pada pegawai-pegawai kerajaan di mana kebanyakan jawatan tinggi di ibukota telah dimonopoli oleh saudara-mara atau anak cucu pegawai-pegawai yang berkuasa. Fan Zhongyan bercadang mengurangkan atau melucutkan pegawai-pegawai yang tidak berkebolehan. Memandangkan pegawai-pegawai yang terlibat adalah ramai sekali, tentangan yang hebat turut berlaku dan ianya merupakan satu penghalang yang serius dalam pelaksanaan pembaharuan Qingli. Wang Anshi telah mengetahui tentang hakikat ini dan cuba mengurangkan penghalang ini dengan melantik pegawai-pegawai yang berkebolehan dan memberi sepenuh sokongan kepada pembaharuan demi memperkuat parti reformis.

Menurut Fan Zhongyan, tujuan asal sistem kenaikan dan keturunan pangkat pegawai-pegawai yang jelas (*ming chu zhi*) yang diperkenalkan oleh beliau sebenarnya menegaskan bahawa kenaikan pangkat pegawai-pegawai dalam jabatan kerajaan seharusnya memberi penekanan kepada mereka yang berkebolehan. Pada masa kemudiannya, Wang Anshi telah cuba menaikkan pangkat pegawai-pegawai kerajaan yang berpangkat rendah demi membantu beliau dalam menggerakkan dasar pembaharuan. Antaranya pegawai-pegawai seperti Lu Huiqing, Zeng Bu 曾布 dan Zhang Dun 章惇 merupakan penyokong yang kuat dalam pelaksanaan pembaharuan Wang Anshi. Kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan yang berpangkat rendah telah dinaikkan pangkat ke jawatan yang tinggi. Sebenarnya ini adalah tema utama *mingchu zhi* dalam petisyen "shishishu" Fan Zhongyan.

Selain dari sistem kenaikan pangkat, isi kandungan sistem peperiksaan yang dilaksanakan oleh Wang Anshi juga merupai sistem peperiksaan yang diperkenalkan oleh Fan Zhongyan dahulu. Ini dapat dilihat dalam dasar “pelaksanaan peperiksaan secara teliti” di mana telah dibangkitkan masalah dan kelemahan sistem peperiksaan *keju*. Fan menafi dan menentang kelayakan calon menerusi pembelajaran dan penghafalan buku kajian klasik kerana beliau berpendapat bahawa sistem peperiksaan sedemikian tidak mampu melahirkan orang-orang yang berkaliber. Manakala Wang Anshi pula dalam petisyen “Shang Ren Zong huangdi yanshishu” 上仁宗皇帝言事书 juga mengkritik bahawa sistem peperiksaan ini menyebabkan “lenyaplah orang-orang yang berkaliber”. Apabila tibanya beliau menerajui pucuk pimpinan, Wang Anshi telah menjalankan pembaharuan dalam sistem peperiksaan pada masa itu. Beliau menetapkan bahawa peperiksaan harus dijalankan dalam beberapa peringkat. Dalam peringkat yang pertama, ujian klasik-klasik Konfusius atau *benjing* 本经 (memilih satu antara Klasik Puisi atau *shi* 诗, Klasik Sejarah atau *shu* 书, Klasik Perubahan atau *yi* 易, Klasik Upacara Zhou atau *zhouli* 周礼 dan Klasik Adat-Istiadat atau *Liji* 礼记) diadakan. Dalam peringkat yang kedua, ujian Klasik-klasik lain atau *jianjing* 兼经 (iaitu *Lunyu* dan *Mengzi* 孟子), ditambah pula dengan *Dayi shidao* 大义十道 diadakan. Calon kedua-dua peringkat peperiksaan ini hanya perlu mengetahui tentang garis kasar tema buku klasik dan tidak semestinya menghafal atau mengikut segala interpretasi orang lain.²²

²² “Xuanju” 选举 4, *Wenxian tongkao* 文献通考, Vol.32, , m.s.293.

Sementara itu , Wang Anshi telah mengubahsui Kolej Imperial (*Taixue* 太学) dengan melantik 10 orang pensyarah untuk memberi syarahan di mana setiap buku klasik akan diajar oleh dua orang pensyarah . Calon-calon *Taixue* haruslah menduduki peperiksaan di peringkat daerah (*zhouxian* 州县) dahulu . Pelajar-pelajar di *Taixue* dibahagikan kepada tiga bahagian (*sanshe* 三舍) iaitu Bahagian Luar atau Peringkat Pertama (*waishe* 外舍) , Bahagian Dalam atau Peringkat Kedua (*neishe* 内舍) dan Bahagian Atas atau Peringkat Tertinggi (*shangshe* 上舍) . Kenaikan pangkat mereka ditentukan oleh peperiksaan . Selain daripada itu , Wang Anshi juga membangunkan bidang pendidikan di daerah besar dan kecil dengan melantik mereka yang mahir dalam klasik-klasik sebagai profesor di samping memberi ladang sawah sebanyak 10 ekar kepada pelajar-pelajar untuk membiayai pendidikan mereka . Isi kandungan *taixue* 太学 dan Kolej Daerah (*zhouxue* 州学) adalah berasaskan pengajian klasik-klasik Konfusianisme .²³

Penjelasan di atas sekali lagi membuktikan bahawa pengubahsuaian dan pembaharuan dalam bidang peperiksaan dan pendidikan Wang Anshi sesungguhnya diwarisi dari pembaharuan yang diperkenalkan oleh Fan Zhongyan dahulu .

Dalam petisyen “Da shouzhao tiaochen shishi” , Fan Zhongyan telah mengemukakan dasar “mengurangkan tugas rasmi kerajaan” (iaitu

²³ “Xuanju ” 选举 3 , *Songshi* 宋史 , Vol. 157 , m.s.1777 .

meringankan sistem kerahan) dengan cadangan menggabungkan *xian* dan mengurangkan bilangan pekerja-pekerja yang terpaksa menjalankan tugas kerajaan demi memberi manfaat kepada rakyat jelata . Manakala pada zaman pemerintahan Shen Zong pula , kerajaan juga mengubahsuai sistem pentadbiran daerah dengan menggabung dan menghapuskan daerah-daerah yang berlebihan . Sehingga tahun 1075 , kerajaan telah menghapuskan jajahan , iaitu *zhou* 州(daerah) , *jun* 军(jajahan ketenteraan) , *jian* 监(jajahan industri) sebanyak 31 unit dan daerah kecil(*xian*) sebanyak 127 unit .²⁴ Proses ini diteruskan dan sehingga tahun 1085 , bilangan jajahan *zhou* , *jun* dan *jian* yang telah dihapuskan adalah lebih dari 20 unit dan bilangan daerah kecil yang dihapuskan pula lebih dari 100 unit .²⁵

Akibat dari penggabungan daerah , maka secara tidak langsung perbelanjaan telah dikurangkan dan ini juga telah mengurangkan bebanan rakyat jelata . Motif “ penggabungan daerah dan pengurangan bebanan rakyat ” ini sebenarnya sejajar dengan dasar pembaharuan Fan Zhongyan .

Dari segi ketenteraan pula , pada tahun 1073 , maharaja Shen Zong pernah membuat arahan bahawa askar imperial dilatih oleh jeneral yang tetap²⁶ demi memperkukuhkan sistem ketenteraan supaya askar-askar dilatih dengan lebih sistematik . Manakala pada tahun 1074 pula , sistem ketenteraan yang pernah digunakan oleh Fan Zhongyan dahulu telah diperkenalkan oleh Timbalan Ketua

²⁴ “Guanzheng ” 2 官政二, *Mengxi bitan* 梦溪笔谈 , Vol.12 , , m.s. 137 .

²⁵ Li You 李攸, “Shengjiang zhouxian” 升降州县, *Songchao shishi* 宋朝事实, Vol. 18 & 19, Beijing Zhonghua Shuju 中华书局, 1955, m.s. 277—312 .

²⁶ *Xu zizhi tongjian changbian* , Vol. 245 , m.s.17 .

Biro Ketenteraan Cai Ting 蔡廷 dan sistem tersebut telah pun diperkenalkan ke seluruh negara.²⁷

Di sini sekali lagi membuktikan bahawa dasar pembaharuan Wang Anshi sesungguhnya mempunyai pertalian yang rapat dengan dasar pembaharuan yang diperkenalkan oleh Fan Zhongyan dahulu. Boleh dikatakan bahawa dasar pembaharuan Qingli telah memberi teladan yang sungguh bermakna untuk Wang Anshi. Sekiranya pembaharuan Wang Anshi diberi sanjungan yang tinggi dalam sejarah Song, maka pembaharuan Fan Zhongyan juga sepatutnya diberi penghargaan yang penting dalam sejarah Song.

²⁷ Chen Rongzhao, *Ibid*, m.s. 166.